

14 AUG 2003

DIALOG-MULTILATERALISME/I

MULTILATERALISME MATI, PERKONGSIAN PINTAR MESTI HIDUPKANNYA SEMULA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

MBABANE, (Swaziland) 14 Ogos (Bernama) -- Malaysia, serta lapan pemimpin negara Afrika yang bimbang tentang apa yang mereka sifatkan sebagai kematian "multilateralisme" dalam arena global, menyeru supaya ia dihidupkan semula melalui rumusan perkongsian pintar.

Tan Sri Omar Abdul Rahman, pengerusi Perkongsian Komanwel bagi Pembangunan Teknologi (CPTM) berkata, beberapa pemimpin Dunia Ketiga amat bimbang "multilateralisme" telah "mati" sepertimana terbukti melalui sikap Amerika Syarikat dan Britain yang sama sekali tidak mengendahakan keputusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan menyerang Iraq secara unilateral.

Dalam taklimat kepada wartawan Malaysia pada perbincangan pembukaan Dialog Perkongsian Pintar Global 2003 di Ezulwini dekat sini, pagi Khamis, beliau berkata, pemimpin-pemimpin itu merasa "sedih" PBB diketepikan manakala agenda sebuah negara dipaksa menjadi norma bagi semua yang lain sedangkan ia tidak memberi manfaat kepada sesiapa.

Pemimpin-pemimpin yang menghadiri sesi interaktif tertutup bertajuk "Mempertingkatkan Keselamatan Kerjasama Global Melalui Dialog Perkongsian Pintar" pagi itu, bersepakat menyeru supaya "multilateralisme" diwujudkan semula kerana unilateralisme nampaknya hanya memberi faedah kepada satu atau dua kuasa besar.

Beberapa pemimpin berkata, sikap kuasa besar yang bertindak sendirian, menggunakan unilateralisme untuk menyemarakkan motif bagi kepentingan sendiri merupakan sesuatu yang membimbangkan.

Antara pemimpin yang mengambil bahagian dalam sesi interaktif pagi itu termasuklah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Naib Presiden Afrika, Jacob Zuma; Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe; Presiden Botswana, Festus G. Mogae; Presiden Mozambique, Joaquim Chissano; Presiden Sudan, Gen. Omar Hassa Ahmad Al-Bashir; Presiden Namibia, Sam Nujoma; dan Presiden Uganda, Yoweri Museveni.

King Mswati III dari Swaziland menjadi tuan rumah kepada edisi Dialog Antarabangsa Afrika Selatan tahun ini.

Dr Omar juga berkata, dialog perkongsian pintar yang berakhir Sabtu itu juga akan membahaskan isu-isu sosial seperti isu memperkasakan wanita serta usaha memerangi HIV-AIDS.

Katanya, isu-isu pemodenan bagi hubungan sosial akan diterajui oleh Ibu Ratu Swaziland, Indlovukazi dan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sementara itu, V.M Chandran, pengarah Manfield Development Sdn Bhd dan peserta yang sering menghadiri Dialog Perkongsian Pintar di Afrika Selatan dan juga Langkawi berkata, berlaku perdebatan mengenai tradisi berbanding pemodenan.

Katanya, beberapa orang pegawai Swaziland merasakan tindakan memberi penekanan kepada isu-isu berhubung dengan pemodenan mungkin mengancam nilai-nilai tradisi dan dalam proses itu mengorbankan identiti kebudayaan.

Namun demikian, kata Chandran, beberapa peserta merasakan pihak media bertanggungjawab memaklumkan kepada orang ramai mengenai isu-isu pemodenan, dan kegagalan berbuat demikian akan merencatkan pembangunan masyarakat.

Peserta-peserta lain berkata, kedua-dua aspek ini tidak boleh diketepikan dan itulah sebabnya perlu bagi pihak media membuat laporan yang seimbang mengenai pemodenan dan tradisi serta mencari rumusan bagi menyepadukan kedua-duanya.

Memelihara tradisi sambil menerima pemodenan telah menjadi isu di Swaziland dan negara-negara lain di Afrika, kerana ada pihak merasa bimbang perubahan-perubahan yang terlalu drastik dan terlalu moden mungkin akan meminggirkan tradisi dan budaya.

Perbincangan akan diteruskan mengenai tabung saraan bagi CPTM yang disasarkan sebanyak 11 juta pound. -- BERNAMA

MR SD KY AHM